

Pola Perbelanjaan dan Cadangan Penentuan Haddul Kifayah Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi:
Kajian di Kuala Terengganu, Terengganu
(*Expenditure Pattern and Haddul Kifayah of Students of Higher Education Institutions: Case Study at
Kuala Terengganu, Terengganu*)

CHE WAN MAISARAH CHE WAN ISMAIL, HAIRUNNIZAM WAHID* & MOHD ALI MOHD NOOR

ABSTRAK

Kos sara hidup memberikan tekanan kepada pelajar terutamanya dengan kenaikan harga keperluan makanan dan bukan makanan termasuklah yuran pengajian, pengangkutan dan kesihatan. Kajian ini dibuat bagi mengenal pasti tahap keberkesanan dan corak penggunaan wang zakat yang diberikan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) kepada mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Terengganu. Sampel yang dipilih adalah pelajar ijazah pertama sepenuh masa di Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang mendapat bantuan zakat di bawah kategori asnaf *fi-sabilillah* daripada MAIDAM. Selain itu, tumpuan kajian adalah ke atas corak perbelanjaan sebulan mahasiswa mengikut tujuh kategori keperluan asas perbelanjaan *dharuriyyat*. Kajian ini juga merangkumi pelbagai faktor demografi yang mempengaruhi pola perbelanjaan tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bantuan zakat mampu memberi motivasi kepada pelajar untuk belajar dan meringankan beban kewangan keperluan asas mereka. Hasil kajian juga mendapati mahasiswa berbelanja lebih terhadap keperluan makanan diikuti pendidikan dan perlindungan. Namun, secara keseluruhan, majoriti mahasiswa mengalami perbelanjaan defisit. Implikasi kajian ini ialah pihak MAIDAM boleh menggunakan pola perbelanjaan ini sebagai asas rujukan untuk mengira *haddul kifayah* mahasiswa di negeri Terengganu serta menilai kembali jumlah bantuan yang diberikan kepada asnaf ini. Beberapa cadangan dan implikasi dasar turut dibincangkan dalam kajian ini.

Kata kunci: *Haddul kifayah*, pola perbelanjaan mahasiswa, perbelanjaan *dharuriyyat*, asnaf *fi-sabilillah*

ABSTRACT

The cost of living put pressure on students especially with the rising prices of food and non-food including tuition fees, transportation, and health. The study was conducted to identify the level of effectiveness and the use of zakat money provided by Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) to the students of Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) in Terengganu. The selected sample is the full-time undergraduate student at Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) and Universiti Malaysia Terengganu (UMT) who receive zakat under the asnaf fi-sabilillah from MAIDAM. In addition, the focus of the study is on the pattern of spending a month of students according to the 7 categories of basic needs of dharuriyyat expenses. This study also covers a variety of demographic factors that influence their spending patterns. The findings show that zakat is able to motivate students to learn and ease their financial burden of basic needs. The study also found that students spend more on food followed by education and shelter. However, overall, the majority of students are experiencing deficit spending. The implication of this study is that the MAIDAM can use this expenditure pattern as a reference base in calculating the number of students in the state of Terengganu and re-assess the amount of assistance given to this asnaf. Some suggestions and policy implications are also discussed in this study.

Keywords: *haddul kifayah*, student's spending patterns, *dharuriyyat* expenditure, asnaf *fi-sabilillah*

PENGENALAN

Ibadah zakat merupakan ibadah utama berbentuk *maliyah* yang mengfokuskan terhadap perhubungan secara langsung sesama manusia (Shofian & Amir 2002). Interaksi berlaku apabila orang Islam yang memenuhi syarat wajib zakat telah mengeluarkan zakat untuk disalurkan kepada golongan yang layak menerima zakat. Pada Surah al-Taubah ayat 60, Allah S.W.T telah menggariskan golongan-golongan yang berhak menerima bantuan zakat melalui firmanNya yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

Tafsiran ayat tersebut menjelaskan terdapat lapan asnaf yang layak menerima bantuan wang zakat. Lapan asnaf ini terbahagi kepada tiga jenis golongan. Golongan pertama adalah golongan fakir dan miskin yang merangkumi asnaf fakir (*al-fuqara'*), miskin (*al-masakin*), *ibn sabil* (musafir sedang dalam perjalanan) dan *gharimin* (orang yang berhutang). Golongan kedua adalah golongan yang mempunyai hubung kait dengan mendakwah dan mempertahankan agama iaitu melibatkan asnaf muallaf, *al-riqab* (hamba) dan *fi-sabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah). Manakala golongan terakhir adalah pentadbir zakat iaitu amil (Hairunnizam et al. 2009). Di Malaysia, segala aktiviti kutipan dan agihan zakat telah diuruskan oleh institusi zakat negeri masing-masing. Antara institusi zakat yang berada di Malaysia adalah Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIP), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Lembaga Zakat Selangor (LSZ), Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang (PUZ), Pusat Zakat Sabah (Majlis Agama Islam Sabah) (PZS-MUIS), Tabung

Baitulmal Sarawak (TBS) dan Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman (JZNK). Namun, kajian ini hanya akan memberi fokus terhadap MAIDAM. Hal ini kerana, corak agihan zakat pendidikan oleh MAIDAM sedikit berbeza yang mana semua pelajar IPT layak menerima bantuan zakat pendidikan tanpa mengambil kira faktor pendapatan keluarga sekiranya memenuhi semua syarat yang ditetapkan.

Di Terengganu, agihan zakat untuk asnaf *fi-sabilillah* atau Sektor Pendidikan dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) merupakan agihan kedua tertinggi selepas asnaf fakir dan miskin. Terdapat enam jenis bantuan yang disediakan di bawah kategori IPT merangkumi dalam dan luar negara iaitu Bantuan Awal Pengajian IPTA/IPTS, Dermasiswa¹ atau Bantuan Am Pelajaran IPT², Program Memartabatkan Institusi Ulama', Bantuan Tambang Penerbangan Pelajar IPT, Bantuan Persatuan Pelajar Terengganu di IPT dan Bantuan Program Keagamaan di IPT Dalam Negeri. Pada tahun 2017, agihan zakat pendidikan telah meningkat sebanyak 25.12 peratus iaitu kepada RM 50.8 juta berbanding hanya RM 40.6 juta pada 2016. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM 38.2 juta (75.20%) telah disalurkan kepada pelajar IPT dan jumlah bantuan yang paling banyak diagihkan adalah kepada Bantuan Dermasiswa dan Bantuan Am Pelajaran IPT dalam negara iaitu sebanyak RM 22.1 juta dengan jumlah seramai 23, 108 pelajar. Menurut MAIDAM, bantuan ini adalah atas dasar kemaslahatan ummah dan bukan bertujuan untuk memenuhi keperluan semata-mata sebaliknya adalah untuk manfaat yang bakal diperolehi umat Islam hasil daripada ilmu yang mereka belajar.

Pendidikan sangat penting kerana ia memainkan peranan yang sangat besar kepada pembangunan sesebuah masyarakat dan negara (Zakaria et al. 2012). Tanpa ilmu pengetahuan, masyarakat akan hidup dalam keadaan kemunduran dan kejahilan di samping akan menyebabkan keruntuhan moral yang berleluasa. Namun, perkara yang sering kali menjadi masalah kepada pelajar adalah perihal kewangan. Hal ini kerana, mahasiswa yang tidak mempunyai pendapatan tetap terpaksa menghadapi kos perbelanjaan yang semakin meningkat (Aisyah & Wajeetha 2016). Sehingga November 2016, harga bagi makanan telah menunjukkan berlaku peningkatan sebanyak 3.7 peratus (Yusof 2017), dan perkara ini akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pelajar kerana makanan adalah keperluan utama mereka (Alecia & Anuar 2017; Sarah et al. 2015). Tambahan lagi, pada 2017

¹ Dermasiswa diberikan kepada para pelajar yang tidak berjaya mendapat mana-mana tajaan dan kadar bantuan adalah tinggi.

² Bantuan Am Pelajaran IPT diberikan kepada para pelajar yang telah mendapat tajaan dan kadar bantuan adalah rendah.

telah berlakunya penurunan bajet operasi universiti awam dengan kadar purata 19.23 peratus iaitu kepada RM 6.12 billion sebelum meningkat kepada RM 6.72 billion pada bajet 2018. Pengurangan ini adalah selaras dengan perancangan kementerian di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi) yang bertujuan untuk mengurangkan kadar kebergantungan yang sangat tinggi iaitu dalam lingkungan antara 80 peratus hingga 90 peratus oleh institusi pengajian tinggi (IPT) kepada kerajaan. Kesannya, universiti awam dikehendaki lebih berdikari dalam mencari sumber pendapatan tambahan.

Malah, kesan yang lebih buruk lagi adalah kos tersebut dikenakan ke atas pelajar seperti yuran pengajian dan kolej yang semakin meningkat dan wujudnya sistem berbayar untuk menikmati kemudahan tertentu yang disediakan oleh pihak universiti. Kesan kenaikan harga barang-barang tertentu ini telah memberi impak yang besar dan mengubah corak perbelanjaan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sepenuhnya. Hal ini menyebabkan para pelajar terpaksa memperuntukkan wang yang lebih banyak terhadap keperluan tersebut dan perlu mencari sumber kewangan tambahan bagi memenuhi setiap keperluan kehidupan. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menguji keberkesanan bantuan zakat pendidikan kepada pelajar IPT di Terengganu. Objektif yang kedua adalah untuk mengenal pasti corak penggunaan wang tersebut oleh pelajar berdasarkan *maqasid syariah*. Objektif seterusnya adalah untuk mengenal pasti corak perbelanjaan pelajar berdasarkan tujuh jenis keperluan asas perbelanjaan *dharuriyyat* iaitu makanan, pendidikan, perlindungan, perbelanjaan harian bukan makanan, pengangkutan, pakaian dan kesihatan bagi menentukan *haddul kifayah* pelajar IPT di Terengganu.

KAJIAN LEPAS

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) mentafsirkan *fi-sabilillah* sebagai mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti untuk menegak, mempertahankan dan mendakwahkan agama Islam serta kebajikannya. Manakala, dalam kajian Nooh (2009), menyatakan bahawa *fi-sabilillah* terbahagi kepada dua iaitu umum dan khusus. Pengertian umum adalah sebarang bentuk amal kebajikan yang bertujuan untuk kepentingan agama. Manakala maksud khusus lebih menjurus kepada jihad dalam peperangan. Oleh itu, merujuk kepada pengertian umum, para pelajar yang menuntut ilmu yang bermanfaat secara sukarela layak menerima bantuan wang zakat tanpa mengambil kira faktor kaya atau

miskin (Wan Zulkifli 2016). Perkara ini juga mendapat sokongan daripada pandangan sesetengah ulama mazhab Hanafi yang menyatakan bahawa penuntut ilmu tergolong dalam asnaf *fi-sabilillah* walaupun mereka kaya (Abdul Monir 2001). Pemberian ini adalah kerana terdapat kepentingan umum atau kemaslahatan serta munasabah yang boleh diaplikasikan mengikut masa kini (Wan Zulkifli 2016). Mujaini (2005) menyatakan bahawa pelajar adalah tergolong dalam golongan fakir dan miskin yang bertaraf penganggur. Golongan ini merujuk kepada penuntut IPT secara sepenuh masa menyebabkan mereka tidak berpeluang untuk bekerja atau terikat dengan mana-mana peraturan yang tidak membenarkan pelajar bekerja. Beliau menyatakan bahawa mereka layak menerima zakat sekiranya telah memenuhi syarat iaitu merupakan pelajar sepenuh masa, baligh, tidak berkemampuan untuk menyara diri dan bidang pengajian yang diambil adalah bermanfaat kepada umat.

Kebiasaanya, bantuan zakat diberikan kepada golongan yang berpendapatan di bawah *haddul kifayah* manakala bagi mereka yang berpendapatan melebihi *haddul kifayah* pula dikehendaki untuk membayar zakat. Ringkasnya, *had kifayah* merupakan garisan pemisah antara mereka yang layak mendapat zakat dan menerima zakat. Mansor et al. (2013) mendefinisikan *haddul kifayah* sebagai kadar (keupayaan ekonomi) yang selayaknya untuk menjamin kelangsungan kehidupan seseorang individu dan mereka yang berada di bawah tangungannya. Manakala, dalam konteks negeri Terengganu pula, *haddul kifayah* merupakan suatu kadar keperluan asasi yang paling minimum untuk sesebuah isi rumah (MAIDAM). Ia merupakan tahap yang paling ideal untuk mencapai kehidupan yang sempurna dari sudut ekonomi bagi seseorang individu atau keluarga tanpa berlebih-lebihan dalam kehidupan (Mansor et al. 2013). Menurut Fahme et al. (2014), *haddul kifayah* memainkan peranan penting dalam penentuan tahap keperluan yang diperlukan oleh isi rumah bagi menampung keperluan harian. *Had* ini juga tidak tetap dan boleh berubah mengikut sesuatu tempat dan perubahan zaman (Mansor et al. 2013).

Menurut Ismail et al (2008), keperluan merupakan suatu perkara asas yang mesti diperoleh, dimiliki dan digunakan dalam kehidupan seseorang. Selain itu, keperluan juga adalah kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh manusia untuk kemudahan kehidupan mereka dan menghindarkan daripada kepayahan hidup dan ketiadaannya akan menyebabkan hidup mereka ditimpa kesusahan dan kesulitan (Mujaini 2005). Berpandukan kepada *maqasid syariah*, Jawatan Wakaf, Zakat & Haji telah menggariskan antara keperluan yang perlu diambil

kira dalam penentuan *haddul kifayah* adalah makanan dan minuman, perlindungan, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan (JAWHAR 2007). Namun, kadar *haddul kifayah* ini berbeza adalah kerana ia bergantung pada bilangan isi rumah dan kumpulan umur dalam isi rumah. Hal ini berikutan keperluan yang diambil kira untuk memenuhi setiap kategori adalah berlainan. Contohnya, di Selangor, bagi kategori anak belajar IPT, hanya empat keperluan telah diambil kira iaitu makanan, pakaian, pendidikan dan kesihatan dan penjagaan diri (LZS). Walau bagaimanapun, menurut Qardhawi, jumlah zakat yang diagihkan mestilah dapat dipastikan kesinambungan kehidupan yang berkualiti yang mana kesan pengagihan zakat adalah untuk mencapai atau mencukupkan taraf keperluan asas (*dharuriyyat*) dan keselesaan (*hajiyyat*) (Fahme et al. 2014) bagi mengembangkan kualiti kehidupan (Mansor et al. 2013).

Beberapa kajian telah dibuat mengenai pola perbelanjaan pelajar bagi meneliti semula kadar *haddul kifayah* pelajar IPT berikutan kenaikan kos sara hidup di Malaysia. Kajian Sarah et al. (2015) menunjukkan bahawa purata perbelanjaan pelajar sebulan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Kampus Bangi, Selangor adalah sebanyak RM 1064.56 bagi aliran Sains Sosial dan RM 1055.55 bagi aliran Sains Tulen. Kajian yang sama turut dilakukan oleh Muhammad Nur (2017) terhadap pelajar UKM Kampus Cheras, Kuala Lumpur, dan hasil mendapati purata perbelanjaan adalah lebih rendah iaitu sebanyak RM 1015.05 sebulan. Kedua-dua kajian ini menggunakan komponen yang sama bagi mendapatkan corak perbelanjaan pelajar sebulan, namun kajian Muhammad Nur (2017) adalah lebih berfokus terhadap pelajar daripada keluarga yang kurang berkemampuan berbanding kajian Sarah et al. (2015) yang bercampur antara pelajar daripada keluarga yang berkemampuan dan kurang berkemampuan. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat banyak faktor yang boleh mempengaruhi dapatan kajian dalam menentukan corak perbelanjaan pelajar seterusnya untuk menentukan kadar *haddul kifayah* pelajar IPT.

Oleh itu, penulis bermotivasi untuk membuat kajian dalam bidang yang sama namun dengan skop yang lebih meluas berbanding kajian-kajian lepas. Objektif kajian ini yang pertama adalah untuk mengenal pasti keberkesanan bantuan zakat pendidikan kepada pelajar IPT di Terengganu. Kedua, untuk mengkaji corak penggunaan wang zakat oleh pelajar IPT berdasarkan *maqasid syariah* dan yang terakhir adalah untuk mengetahui corak perbelanjaan pelajar IPT di Terengganu berdasarkan tujuh jenis keperluan asas perbelanjaan *dharuriyyat* bagi mencadangkan kadar *haddul kifayah* pelajar IPT³.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah pensampelan

Sampel adalah sebahagian daripada populasi yang dijadikan sebagai responden bagi melengkapkan kajian. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah pensampelan bertujuan iaitu mahasiswa/i yang mendapat bantuan zakat pendidikan jenis Bantuan Am Pelajaran IPT daripada MAIDAM yang sedang mengikuti peringkat pengajian ijazah pertama secara sepenuh masa di Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Kedua-dua universiti ini dipilih berikutan kedudukan geografinya yang terletak berdekatan dengan bandar Kuala Terengganu yang berperanan sebagai ibu negeri Terengganu. Hanya seramai sembilan orang responden telah dipilih bagi menjayakan kajian ini, yang mana mahasiswa ini dikategorikan sebagai asnaf *fisabilillah*. Hal ini kerana soalan yang dikemukakan adalah komprehensif merujuk kepada pendekatan Lembaga Zakat Selangor (LZS), dan analisis kajian juga dilakukan secara teliti dan terperinci bagi mendapatkan corak perbelanjaan para pelajar IPT dengan lebih jelas.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah alat yang digunakan untuk mendapatkan data daripada sampel kajian. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini melalui pengedaran soal selidik dan temu bual secara berstruktur. Borang soal selidik diagihkan kepada responden mengandungi 4 bahagian. Bahagian A: Latar Belakang Responden, Bahagian B: Keberkesanan Bantuan Zakat Pendidikan, Bahagian C: Corak Penggunaan Wang Zakat Oleh Para Responden Berdasarkan Maqasid Syariah dan Bahagian D: Pola Perbelanjaan Responden Sebulan. Temu bual pula dilakukan dengan salah seorang pegawai MAIDAM daripada Bahagian Pendidikan dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan data mengenai zakat pendidikan di Terengganu.

Kaedah Analisis Data

Struktur soalan Bahagian B dan C adalah berbentuk skala likert iaitu bermula daripada nilai 1 hingga 5 yang mana 1: Sangat Tidak Setuju, 2: Tidak Setuju, 3: Tidak Pasti, 4: Setuju dan 5: Sangat Setuju. Kajian ini dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan

³ Berbeza dengan konsep asal yang diambil kira oleh pihak MAIDAM iaitu tidak merujuk kepada semua keperluan asas tersebut dalam menyalurkan bantuan kepada mana-mana pelajar IPT.

kekerapan, peratusan dan min. Interpretasi min yang digunapakai dalam kajian ini diadaptasi daripada kajian Bahril B. Balli dan Wahid Razzaly (2010) yang menunjukkan Skala Tahap Persetujuan yakni < 2.4 adalah Rendah; 2.41-3.80 adalah Sederhana dan akhir sekali > 3.81 adalah Tinggi. Manakala, analisis Bahagian D pula dibanci berdasarkan tujuh jenis keperluan asas perbelanjaan *dharuriyyat* iaitu makanan, keperluan harian bukan makanan, pakaian, pendidikan, kesihatan, pengangkutan dan perlindungan.

HASIL KAJIAN

Berdasarkan Jadual 1, analisis menunjukkan responden daripada keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM 1000 membuat perbelanjaan terhadap makanan kurang daripada RM 300 sebulan atau antara RM 7.00 hingga RM 10.00 sehari. Mereka terpaksa menghadkan perbelanjaan makanan bagi memenuhi keperluan-keperluan lain. Hasil menunjukkan bahawa perbelanjaan mereka untuk pendidikan melebihi perbelanjaan makanan. Perkara ini terkecuali untuk responden ketujuh kerana tinggal di rumah dan hanya membeli makanan di universiti ketika hari kelas berlangsung. Berbeza dengan responden yang berlatar belakang keluarga yang berpendapatan melebihi RM 1000, perbelanjaan mereka untuk makanan melebihi RM 300 sebulan atau antara RM 11.00 hingga RM 15.00 sehari. Berdasarkan pemerhatian kepada responden keenam, perbelanjaan makanan bulanan hanya sebanyak RM 200.80 atau sebanyak RM 7.17 sehari tetapi perbelanjaannya untuk keperluan harian bukan makanan dan pakaian agak tinggi. Hal ini kerana responden ini terpaksa berdikari sepenuhnya dan menggunakan duit sendiri untuk membeli keperluan tersebut berikutan ibu bapa yang tidak bekerja. Seterusnya, bagi perbelanjaan terhadap keperluan harian bukan makanan, majoriti perempuan berbelanja melebihi RM 100 berbanding lelaki. Hal ini berkemungkinan kerana perempuan lebih menjaga keterampilan diri dan penggunaan barangan penjagaan diri yang lebih banyak berbanding lelaki. Walau bagaimanapun, dapatan menunjukan bahawa perbelanjaan utama bagi pelajar IPT di Terengganu adalah makanan iaitu dengan jumlah purata sebanyak RM 291.51 (30.67%) diikuti perbelanjaan untuk pendidikan dan perlindungan yang mana masing-masing sebanyak RM 282.44 (29.71%) dan RM 141.22 (14.88%).

Secara keseluruhan, dapat dilihat bahawa majoriti responden yang mendapat bantuan pinjaman, mempunyai jumlah pendapatan kurang daripada RM 1000 menyebabkan mereka menghadapi masalah

kewangan iaitu defisit perbelanjaan. Seramai 2/3 responden mengalami defisit antara RM 100 hingga RM 300 yang disebabkan oleh jumlah perbelanjaan melebihi jumlah pendapatan. Hanya tiga responden yang mempunyai lebih pendapatan iaitu responden pertama, keempat dan kelapan. Responden pertama dan kelapan masing-masing mempunyai lebih sebanyak RM 25.80 dan RM 2.40, yang mana pendapatan sebulan adalah sebanyak RM 800. Sumber pendapatan mereka adalah daripada pinjaman PTPTN dan bantuan MAIDAM. Faktor lebih bagi responden pertama ini berkemungkinan didorong oleh perbelanjaan yang rendah terhadap makanan yang mana purata sehari adalah sebanyak RM 7.40 dan tidak mempunyai sebarang perbelanjaan bagi keperluan kesihatan. Bagi responden kelapan, perbelanjaan bulanan adalah pada tahap yang rendah pada tiga jenis keperluan iaitu hanya RM 3.00 untuk perubatan, RM 8.00 untuk pakaian dan tiada sebarang perbelanjaan untuk pengangkutan yang mendorong berlaku lebih dalam pendapatan. Responden keempat mempunyai lebih sebanyak RM 306.38. Hal ini kerana, pelajar ini telah mendapat bantuan biasiswa sebanyak RM 1100 sebulan dan ditambah bantuan zakat pendidikan menjadikan pendapatan bulanan sebanyak RM 1300 seterusnya mampu untuk menampung keseluruhan perbelanjaannya.

Jadual 2 hingga Jadual 9 adalah data mengenai perbelanjaan responden secara terperinci berdasarkan tujuh kategori keperluan asas perbelanjaan *dharuriyyat* iaitu makanan, pendidikan, perlindungan, keperluan harian bukan makanan, pengangkutan, pakaian dan kesihatan. Jadual 2 adalah dapatan mengenai perbelanjaan responden terhadap keperluan makanan. Purata perbelanjaan keseluruhan responden bagi keperluan ini adalah sebanyak RM 291.51 sebulan. Responden keenam paling sedikit berbelanja untuk memenuhi keperluan ini iaitu hanya sebanyak RM 200.80 sebulan atau RM 7.17 sehari. Manakala, responden ketiga berbelanja paling banyak dengan jumlah sebanyak RM 394.80 atau sebanyak RM 14.01 sehari. Seterusnya, Jadual 3 memaparkan perbelanjaan responden terhadap keperluan pendidikan. Purata perbelanjaan sebulan bagi kategori ini adalah sebanyak RM 282.44. Jumlah paling tertinggi yang dibelanjakan adalah sebanyak RM 407.40 iaitu oleh responden keempat. Perkara ini didorong oleh yuran pengajian yang tinggi iaitu melebihi RM 1400 untuk satu semester berbanding responden-responden yang lain. Manakala, jumlah perbelanjaan terendah adalah sebanyak RM 184.00 sebulan iaitu oleh responden kelima yang mana dapat dilihat bahawa yuran pengajiannya adalah separuh lebih murah berbanding responden kedua dan keempat.

JADUAL 1. Maklumat Responden dan Pola Perbelanjaan

Perkara / Responden	Resp 1	Resp 2	Resp 3	Resp 4	Resp 5	Resp 6	Resp 7	Resp 8	Resp 9	PURATA
Jantina Universiti	Lelaki UNISZA	Lelaki UNISZA	Lelaki UMT	Perempuan UNISZA	Perempuan UNISZA	Perempuan UNISZA	Perempuan UMT	Perempuan UMT	Perempuan UMT	
Aliran	Agama	Sains Tulen	Sastera	Sains Tulen	Sastera	Agama	Sains Tulen	Sastera	Sastera	
Pendapatan keluarga	<1000	<1000	1001-2000	1001-2000	1001-2000	<1000	2001-3000	< 1000	2001-3000	
Tempat tinggal	Kolej	Kolej	Kolej	Kolej	Kolej	Kolej	Rumah Sendiri	Rumah Sewa	Kolej	
PENDAPATAN										
PTPTN	600.00	250.00	500.00			500.00	300.00	600.00	600.00	
TPYSD Sendiri				1100.00	300.00					
Ibu Bapa		200.00	150.00		300.00					
MAIDAM	200.00	200.00	200.00	200.00	200.00	200.00	200.00	200.00	200.00	
Jumlah Pendapatan	800.00	650.00	850.00	1300.00	800.00	700.00	500.00	800.00	800.00	
PERBELANJAAN										
Makanan	207.20	243.20	394.80	366.40	356.00	200.80	240.00	288.40	326.80	291.51
Pendidikan	279.00	350.00	298.00	407.40	184.00	275.60	268.00	236.00	244.00	282.44
Perlindungan	148.00	180.00	170.00	126.40	170.00	136.40	30.00	153.00	159.00	141.42
Keperluan harian	75.00	73.50	81.50	57.00	118.00	127.00	170.00	109.20	246.90	117.57
Pengangkutan	40.00	125.00	140.00	20.00	20.00	0.00	80.00	0.00	40.00	51.67
Pakaian	25.00	41.25	57.13	8.42	34.17	145.42	30.83	8.00	94.58	49.42
Perubatan	0.00	0.00	91.90	8.00	18.00	20.00	0.00	3.00	8.00	16.54
Jumlah perbelanjaan	774.20	1012.95	1233.33	993.62	900.17	905.22	818.83	797.60	1119.28	950.58
Defisit / Lebihan	25.80	-362.95	-383.33	306.38	-100.17	-205.22	-318.83	2.40	-319.28	

Sumber: Soal selidik 2018

Nota:

- Semua responden berumur antara 20 hingga 30 tahun, berstatus bujang, tidak mempunyai tanggungan dan majoriti responden tidak bekerja.
- Kedua-dua ibu bapa Resp. 6 tidak bekerja.
- Resp. 5 mempunyai perniagaan sendiri iaitu menyewa motosikal kepada para pelajar UNISZA.
- Resp. 1 dan Resp. 7 membelanjakan wang antara RM 2000 hingga RM 3000 untuk membeli kedua-dua barang telefon bimbit dan laptop manakala responden kelima membeli laptop berharga RM 1500 dan responden kelapan membeli telefon bimbit berharga RM 500.
(5.20), Perubatan (1.74). Tahun Pengajian: Tahun 1: Resp. 1 dan Resp. 6; Tahun 2: Resp. 5 dan Resp. 7; Tahun 3: Resp. 2, Resp 3, Resp 4, Resp 8 dan Resp 9.
- PNGK: 3.67 – 4.00: Resp 1 dan Resp 4; 3.00 – 3.32: Resp 2, Resp 3, Resp 6, Resp 7, Resp 8, Resp 9; 2.50 – 2.99: Resp 5.
- Purata (%): Makanan (30.67), Pendidikan (29.71), Perlindungan (14.88), Keperluan Harian Bukan Makanan (12.37), Pengangkutan (5.44), Pakaian (5.20), Perubatan (1.74)

JADUAL 2. Perbelanjaan Terhadap Keperluan Makanan (Bulanan / RM)

Makanan/ Responden	Resp 1	Resp 2	Resp 3	Resp 4	Resp 5	Resp 6	Resp 7	Resp 8	Resp 9	Purata Perbelanjaan
Lauk Campur	0	31.50	34.00	35.00	36.00	31.50	45.00	25.00	18.00	28.44
Panas / Bergoreng	35.00	11.50	35.50	30.00	24.00	13.50	3.00	33.50	31.00	24.11
Minuman	12.60	7.80	13.20	6.60	9.00	1.20	9.00	3.60	13.20	8.47
Makanan Tambahan	4.20	10.00	16.00	20.00	20.00	4.00	3.00	10.00	19.50	11.86
Jumlah Mingguan	51.80	60.80	98.70	91.60	89.00	50.20	60.00	72.10	81.70	72.88
Jumlah Bulanan (X4)	207.20	243.20	394.80	366.40	356.00	200.80	240.00	288.40	326.80	291.51

Sumber: Soal selidik 2018

JADUAL 3. Perbelanjaan Terhadap Keperluan Pendidikan (Bulanan / RM)

Perkara / Responden	Resp 1	Resp 2	Resp 3	Resp 4	Resp 5	Resp 6	Resp 7	Resp 8	Resp 9	Purata Perbelanjaan
Yuran Pengajian	1045.00	1400.00	940.00	1437.00	700.00	1168.00	940.00	870.00	870.00	1041.11
Buku-buku	100.00	200.00	300.00	400.00	200.00	150.00	250.00	300.00	300.00	244.44
Alat Tulis	50.00	50.00	50.00	100.00	20.00	60.00	150.00	10.00	50.00	60.00
Alatan Tambahan	200.00	100.00	200.00	100.00						66.67
Jumlah Bulanan (÷5)	279.00	350.00	298.00	407.40	184.00	275.60	268.00	236.00	244.00	282.44

Sumber: Soal selidik 2018

Jadual 4 pula adalah berkaitan perbelanjaan responden terhadap perlindungan yang merangkumi tempat tinggal dan bil bulanan. Dapatan menunjukkan purata perbelanjaan sebulan bagi kategori ini adalah sebanyak RM 141.42. Perbelanjaan tertinggi dilakukan oleh responden kedua iaitu sebanyak RM 180.00. Hal ini kerana, bayaran sewa bagi kolejnya adalah paling tinggi iaitu sebanyak RM 140 berbanding responden-responden lain. Manakala, responden ketujuh pula membelanjakan sedikit wang untuk keperluan ini iaitu hanya sebanyak RM 30.00 merangkumi bil telefon dan bil internet berikutan tidak perlu membayar sewa penempatan kerana tinggal bersama keluarga. Merujuk kepada Jadual 5, purata perbelanjaan sebulan bagi keperluan harian bukan makanan adalah sebanyak RM 117.57. Antara barang keperluan yang paling dikehendaki oleh para responden adalah berus gigi, ubat gigi, sabun mandi, syampu, deodorant dan minyak wangi. Hal ini dapat dilihat apabila keseluruhan responden memiliki barang-barang tersebut. Manakala, barang yang paling sedikit dimiliki oleh para responden adalah perapi rambut. Dapatan menunjukkan responden keempat paling sedikit berbelanja untuk keperluan ini iaitu hanya sebanyak RM 57.00 sebulan, manakala

responden kesembilan paling banyak berbelanja dengan jumlah sebanyak RM 246.90.

Seperti yang ditunjukkan oleh Jadual 6, iaitu berkenaan perbelanjaan reponden terhadap keperluan pengangkutan, seramai 2 orang responden tidak membelanjakan wang mereka terhadap keperluan ini iaitu responden keenam dan kelapan. Jumlah paling banyak yang dibelanjakan adalah sebanyak RM 140.00 iaitu oleh responden ketiga. Hal ini kerana, responden ini terpaksa membayar kos perjalanan pulang ke kampung halaman yang tinggi iaitu sebanyak RM 100 sebulan. Manakala, perbelanjaan terendah pula dilakukan oleh responden keempat dan kelima iaitu hanya sebanyak RM 20.00. Secara puratanya, perbelanjaan untuk bahagian ini adalah sebanyak RM 51.67 sebulan. Berdasarkan Jadual 7, iaitu mengenai perbelanjaan responden terhadap keperluan pakaian, hasil menunjukkan purata perbelanjaan sebulan bagi kategori ini adalah sebanyak RM 49.42. Responden kelapan paling sedikit membelanjakan wangnya untuk keperluan pakaian iaitu hanya sebanyak RM 8.00 sebulan, manakala, perbelanjaan tertinggi dilakukan oleh responden keenam dengan jumlah sebanyak RM 145.42 sebulan.

JADUAL 4. Perbelanjaan Terhadap Keperluan Perlindungan (Bulanan / RM)

Perkara / Responden	Resp 1	Resp 2	Resp 3	Resp 4	Resp 5	Resp 6	Resp 7	Resp 8	Resp 9	Purata Perbelanjaan
a) Tempat Tinggal										
Kolej	133.00	140.00	120.00	106.40	120.00	106.40			119.00	93.87
Rumah Sewa								103.00		11.44
b) Bil Bulanan										
Bil Air & Elektrik								20.00		2.22
Bil Telefon	15.00	40.00	50.00	20.00	50.00	15.00	15.00		40.00	27.22
Bil Jaringang						15.00	15.00	30.00		6.67
Internet										
Jumlah Bulanan	148.00	180.00	170.00	126.40	170.00	136.40	30.00	153.00	159.00	141.42

Sumber: Soal selidik 2018

JADUAL 5. Perbelanjaan Terhadap Keperluan Harian Bukan Makanan (Bulanan / RM)

Perkara / Responden	Resp 1	Resp 2	Resp 3	Resp 4	Resp 5	Resp 6	Resp 7	Resp 8	Resp 9	Purata Perbelanjaan
Berus Gigi	2.00	3.00	3.50	2.00	3.00	4.00		8.00	11.00	4.06
Ubat Gigi	7.00	8.00	7.50	4.00	3.00	5.00		11.90	11.90	6.48
Sabun Mandi	10.00	7.00	3.50	11.00	10.00	8.00		14.00	11.00	8.28
Syampu	10.00	8.00	3.50	7.00	5.00	7.00		9.00	15.00	7.17
Krim Rambut	6.00		10.00							1.78
Perapi Rambut			10.00		5.00				10.00	2.78
Bedak				2.00	10.00	18.00	20.00		10.00	6.67
Losyen					8.00	9.00	30.00			5.22
Barangan Kosmetik					15.00		100.00		70.00	20.56
Pencuci Muka					10.00	18.00	20.00	6.90	25.00	8.88
Deodorant	20.00	9.00	7.50	8.00	6.00	7.00		5.00	11.00	8.17
Sabun Basuh		5.00	5.50	4.00	5.00	4.00		26.00	15.00	7.17
Pelembut Pakaian	10.00	5.00	5.50		5.00	7.00		11.90	15.00	6.60
minyak wangi	10.00	24.00	10.00	5.00	15.00	20.00		12.00	15.00	12.33
Pisau cukur		2.50	10.00	2.00	3.00	5.00			10.00	3.61
Tuala wanita				10.00	10.00	15.00			12.00	5.22
Pencuci pinggan		2.00	5.00	2.00	5.00				5.00	2.11
lain-lain								4.50		0.50
Jumlah Bulanan	75.00	73.50	81.50	57.00	118.00	127.00	170.00	109.20	246.90	117.57

Sumber: Soal selidik 2018

JADUAL 6. Perbelanjaan Terhadap Keperluan Pengangkutan (Bulanan / RM)

Perkara / Responden	Resp 1	Resp 2	Resp 3	Resp 4	Resp 5	Resp 6	Resp 7	Resp 8	Resp 9	Purata Perbelanjaan
Motosikal		50.00	40.00		20.00		50.00			17.78
Kereta	40.00	50.00								10.00
Bas										0.00
Teksi / Grab / Kereta sewa	0.00						30.00			3.33
Perbelanjaan pulang ke kampung halaman	0.00	25.00	100.00	20.00					40.00	20.56
Jumlah Bulanan	40.00	125.00	140.00	20.00	20.00	0.00	80.00	0.00	40.00	51.67

Sumber: Soal selidik 2018

Jadual yang terakhir merangkap keperluan asas yang terakhir adalah Jadual 8. Jadual ini menunjukkan maklumat perbelanjaan responden terhadap keperluan kesihatan. Jumlah purata perbelanjaan sebulan bagi keperluan ini adalah sebanyak RM 16.54. Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan bahawa seramai 3 orang responden tidak membelanjakan wang untuk keperluan ini. Perkara ini berkemungkinan kerana perbelanjaan untuk kesihatan telah termasuk dalam bayaran yuran universiti. Perbelanjaan tertinggi bagi kategori ini dilakukan oleh responden ketiga iaitu berjumlah RM 91.90 yang berkemungkinan didorong oleh harga ubat minda yang tinggi iaitu berharga RM 70.90. Manakala, perbelanjaan paling sedikit dilakukan

oleh responden kelapan iaitu dengan hanya membeli minyak gamat yang berharga RM 3.00.

Berdasarkan Jadual 9, terdapat 2 jenis bahagian iaitu bahagian 1 dan bahagian 2. Objektif untuk bahagian 1 adalah untuk mengukur keberkesanan bantuan zakat pendidikan kepada pelajar IPT di Terengganu yang dinilai berdasarkan 5 item. Nilai min keseluruhan bagi bahagian ini adalah 4.38 iaitu berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa para responden bersetuju dengan justifikasi yang terdapat dalam keseluruhan item. Item yang pertama mencatat nilai min yang tertinggi iaitu bernilai 5.00. Item ini membincangkan mengenai beban kewangan pelajar berkurangan setelah menerima bantuan zakat

pendidikan daripada MAIDAM. Nilai min yang terendah pula adalah pada item kedua dan keempat iaitu bernilai 3.89. Item-item ini adalah berkenaan kesan bantuan zakat pendidikan terhadap aspek masalah kewangan pelajar IPT. Analisis ini juga menunjukkan

bahawa terdapat seorang pelajar yang mengaku bahawa masih menghadapi masalah kewangan walaupun diberi bantuan sebanyak RM 1000 setahun oleh pihak MAIDAM.

JADUAL 7. Perbelanjaan Terhadap Keperluan Pakaian (Bulanan / RM)

Perkara/ Responden	Resp 1	Resp 2	Resp 3	Resp 4	Resp 5	Resp 6	Resp 7	Resp 8	Resp 9	Purata Perbelanjaan
Kemeja	55.00	35.00	125.00		25.00	120.00			160.00	57.78
T-shirt	50.00	20.00	50.00		15.00	120.00		20.00	140.00	46.11
Baju Kurung					30.00	160.00			300.00	54.44
Jubah					40.00	240.00				31.11
Blaus / T-shirt Muslimah				39.00	50.00	180.00				29.89
Tudung				20.00	15.00	90.00	100.00		100.00	36.11
Skirt Labuh / Kain					20.00	45.00	140.00			22.78
Stokin (kaki)	10.00	10.00	15.00		10.00	50.00		36.00	30.00	17.89
Stoking (Tangan)					10.00	40.00				5.56
Telekung					50.00	150.00				22.22
Skarf (Anak Tudung)					5.00	20.00	20.00			5.00
Tali Pinggang		25.00	10.00		5.00					4.44
Seluar Slack	100.00	40.00	100.00	30.00	20.00	80.00			80.00	50.00
Seluar Jeans		50.00	50.00		25.00				100.00	25.00
Seluar Track	70.00	35.00	28.80	12.00	20.00	60.00			135.00	40.09
Kain Pelikat		30.00	40.00							7.78
Baju Melayu		80.00	80.00							17.78
Songkok / Kopiah	15.00	10.00	25.00							5.56
Kasut		50.00	70.00		30.00	120.00	100.00	40.00	60.00	52.22
Selipar / Sandal		10.00	11.80		10.00	120.00	10.00		30.00	21.31
Kasut sukan		100.00	80.00		30.00	150.00				40.00
Jumlah setahun	300.00	495.00	685.60	101.00	410.00	1745.00	370.00	96.00	1135.00	593.07
Jumlah Bulanan	25.00	41.25	57.13	8.42	34.17	145.42	30.83	8.00	94.58	49.42

Sumber: Soal selidik 2018

JADUAL 8. Perbelanjaan Terhadap Keperluan Kesihatan (Bulanan / RM)

Perkara / Responden	Resp 1	Resp 2	Resp 3	Resp 4	Resp 5	Resp 6	Resp 7	Resp 8	Resp 9	Purata Perbelanjaan
Minyak Gamat			2.80		3.00			3.00		0.98
Minyak Angin			3.50	5.00	5.00	10.00			8.00	3.50
Salonpas			0.80		2.00	5.00				0.87
Plaster Luka			0.40		2.00					0.27
Ubat Supplement			10.00							1.11
Ubat Minda			70.90							7.88
Ubat Sakit Perut			3.50	2.00	3.00					0.94
Panadol				1.00	3.00	5.00				1.00
Jumlah Bulanan	0.00	0.00	91.90	8.00	18.00	20.00	0.00	3.00	8.00	16.54

Sumber: Soal selidik 2018

JADUAL 9. Keberkesanan Bantuan Zakat Pendidikan Dan Corak Penggunaan Wang Zakat

Bil.	Perkara	STS K	TS K	TP K	S K	SS K	Min	Tahap ⁴
1) Keberkesanan Bantuan Zakat Pendidikan								
1	Bantuan zakat dapat meringankan beban pelajar.	0 (0)	0 (0)	0 (0)	0 (0)	9 (100)	5.00	Tinggi
2	Saya tidak lagi menghadapi ketidakcukupan wang setelah menerima bantuan zakat.	1 (11.1)	0 (0)	1 (11.1)	4 (44.4)	3 (33.3)	3.89	Tinggi
3	Saya bermotivasi untuk meneruskan pengajian setelah menerima wang bantuan zakat.	0 (0)	0 (0)	0 (0)	4 (44.4)	5 (55.6)	4.56	Tinggi
4	Masalah kewangan saya telah berkurang setelah menerima bantuan zakat.	1 (11.1)	0 (0)	1 (11.1)	4 (44.4)	3 (33.3)	3.89	Tinggi
5	Saya bersemangat untuk belajar dengan lebih baik setelah menerima bantuan wang zakat.	0 (0)	0 (0)	0 (0)	4 (44.4)	5 (55.6)	4.56	Tinggi
Jumlah Min keseluruhan							4.38	Tinggi
2) Corak Penggunaan Wang Zakat								
1	Saya memperuntukkan lebih wang daripada bantuan MAIDAM untuk perkara dharuriyat dan hajiyyat berbanding tahsiniyyat.	0 (0)	0 (0)	1 (11.1)	3 (33.3)	5 (55.6)	4.44	Tinggi
2	Saya menanggung kos pengajian (yuran, buku, alat tulis, etc) dengan menggunakan wang bantuan zakat MAIDAM.	0 (0)	2 (22.2)	2 (22.2)	2 (22.2)	3 (33.3)	3.67	Sederhana
3	Saya memperuntukkan sebahagian besar wang bantuan zakat MAIDAM bukan untuk hobi seperti membeli novel dan komik dan membeli belah bagi menghilangkan stress.	0 (0)	0 (0)	2 (22.2)	4 (44.4)	3 (33.3)	4.11	Tinggi
4	Saya berbelanja lebih untuk makanan berbanding keperluan lain dengan menggunakan wang bantuan zakat MAIDAM.	0 (0)	1 (11.1)	3 (33.3)	3 (33.3)	2 (22.2)	3.67	Sederhana
5	Walaupun wang bantuan zakat diterima pada pertengahan semester, saya masih tidak mampu membeli <i>fast food</i> (Domino, KFC, Pizza).	0 (0)	2 (22.2)	2 (22.2)	2 (22.2)	3 (33.3)	3.67	Sederhana
6	Saya masih tidak mampu untuk membeli pakaian dan barang-barang yang cantik dan bergaya walaupun setelah menerima bantuan zakat.	0 (0)	1 (11.1)	2 (22.2)	3 (33.3)	3 (33.3)	3.89	Tinggi
7	Saya membayar kos penginapan (kolej / rumah sewa) dengan menggunakan wang bantuan zakat MAIDAM.	1 (11.1)	2 (22.2)	0 (0)	4 (44.4)	2 (22.2)	3.44	Sederhana
8	Saya kurang membelanjakan wang bantuan zakat untuk mengisi minyak dan menyelenggara kenderaan.	1 (11.1)	3 (33.3)	0 (0)	1 (11.1)	4 (44.4)	3.44	Sederhana
9	Saya memperuntukkan hanya sedikit wang bantuan zakat untuk tujuan menambah nilai telefon bimbit dan internet.	0 (0)	2 (22.2)	2 (22.2)	3 (33.3)	2 (22.2)	3.56	Sederhana
10	Memandangkan wang bantuan zakat diterima pada pertengahan semester, maka saya mampu menyimpan sebahagiannya untuk kegunaan semester akan datang.	0 (0)	1 (11.1)	2 (22.2)	4 (44.4)	2 (22.2)	3.78	Sederhana
Jumlah Min Keseluruhan							3.77	Sederhana

Sumber: Soal selidik 2018

Nota:

1. *() merujuk kepada peratusan (%).
2. STS (Sangat Tidak Setuju), TS (Tidak Setuju), TP (Tidak Pasti), S (Setuju), SS (Sangat Setuju)
3. K (Kekerapan)
4. Skala Tahap Persetujuan: < 2.4, Rendah; 2.41-3.80; Sederhana dan > 3.81: Tinggi (Bahril & Wahid, 2010)

Objektif Bahagian 2 pula adalah untuk mengetahui corak penggunaan wang zakat oleh para pelajar IPT di Terengganu berdasarkan *maqasid syariah* iaitu *dharuriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*. Nilai min keseluruhan bagi bahagian ini adalah

sebanyak 3.77 iaitu berada pada tahap sederhana. Analisis menunjukkan bahawa para responden hanya sederhana setuju dengan justifikasi yang terdapat dalam keseluruhan item pada bahagian ini. Nilai min yang paling tinggi adalah bernilai 4.44 iaitu pada

item pertama yang mana separuh daripada responden 'sangat setuju' bahawa mereka menggunakan wang zakat adalah untuk memenuhi keperluan *dharuriyyat* dan *hajiyyat* berbanding *tahsiniyyat*. Nilai min yang terendah adalah pada item ketujuh dan kelapan iaitu bernilai 3.44 yang mana masing-masing item adalah berkenaan penggunaan wang zakat untuk pembayaran kos penginapan dan keperluan pengangkutan.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Menurut Zarina et al. (2012), agihan zakat mampu meningkatkan kuasa beli penerima seterusnya meningkatkan taraf kehidupan mereka ke arah yang lebih baik. Namun, pemberian ini menyebabkan mereka berada di zon selesa dan tidak cermat dalam perbelanjaan. Hal ini kerana, semakin meningkat pendapatan yang diperolehi pelajar, semakin meningkat perbelanjaan mereka (Sarah et al. 2015 ; Alida & Fatimah 2007). Terdapat segelintir daripada responden mengaku bahawa mereka menggunakan duit zakat untuk membeli pakaian dan barang-barang yang cantik dan bergaya. Ini menunjukkan bahawa mereka tidak menggunakan wang tersebut secara berhemah serta mereka mempunyai tabiat yang buruk dalam perbelanjaan dan tidak berupaya mengurus kewangan dengan baik. kajian oleh Jariah et al. (2004) juga menunjukkan bahawa majoriti pelajar berbelanja untuk hiburan, membeli-belah dan cenderung untuk membeli ketika jualan promosi berlangsung. Menurut Hussin dan Amni (2012), mahasiswa tidak mampu berfikir secara rasional dalam mengawal tabiat perbelanjaan. Mereka juga tidak dapat membezakan antara barang keperluan dan kehendak dengan baik (Alecia & Anuar 2017). Kesannya, mereka cenderung untuk berbelanja melebihi sumber kewangan yang ada (Mustaffa & Fikri 2011) dan akan menghadapi masalah kewangan iaitu ketidakcukupan wang untuk berbelanja sehingga penghujung semester. Tabiat perbelanjaan seperti ini menunjukkan bahawa mereka berbelanja adalah untuk memenuhi kepuasan material dan mengabaikan kepuasan rohani seperti yang diunjurkan oleh Islam.

Bagi pelajar yang lahir daripada keluarga yang miskin dan menerima bantuan zakat bagi meneruskan kehidupan, di samping tidak mampu mengawal corak perbelanjaan dengan baik, masalah akan menjadi lebih teruk apabila tahap pencapaian mereka tidak memberangsangkan sama ada dari segi CGPA ataupun kemahiran interpersonal. Kesannya, mereka akan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan yang mana akan menyebabkan sama ada mereka terpaksa menganggur, tidak mempunyai pekerjaan yang

tetap atau bekerja tetapi gaji yang diterima tidak mampu untuk menampung perbelanjaan keperluan asas (Azman & Martiah 2014). Hal ini kerana, mereka terpaksa bersaing dengan ribuan graduan lain yang lebih berdaya saing dan berkemahiran terutama pelajar domestik yang pernah belajar di luar negara⁴. Akhirnya, mereka akan terus bergantung dengan bantuan daripada kerajaan serta bantuan zakat bagi memenuhi semua keperluan harian menyebabkan mereka terus terperangkap dalam kitaran ganas kemiskinan (*Vicious Cycle of Poverty*)⁵. Oleh itu, daripada kajian yang telah dijalankan, penulis ingin mengemukakan beberapa cadangan iaitu:

1. Mengadakan program atau kempen pengurusan kewangan Islam terutama berkenaan perbelanjaan yang dilakukan menggunakan wang zakat melalui media massa seperti di laman web dan *facebook* MAIDAM. Hal ini bertujuan untuk melahirkan para pelajar yang lebih menghargai duit terutama daripada duit zakat dan tidak membelanjakan sewenang-wenangnya untuk perkara yang tidak penting. Mereka perlu didedahkan pengurusan kewangan yang betul supaya selepas keluar daripada alam universiti, mereka berupaya untuk mengurus pendapatan sendiri dengan melaksanakan belanjawan berimbang di samping turut bersedekah dan menyimpan untuk kegunaan kecemasan serta tidak terjebak dengan kebangkrutan sewaktu muda.
2. Mengadakan perjumpaan dan sesi motivasi minimum sekali setahun bersama-sama pelajar baru yang bakal melanjutkan pelajaran ke IPT dan telah mendapat bantuan zakat daripada MAIDAM yang mana intipati program adalah lebih berfokus terhadap aspek sahsiah dan akademik. Tujuan program ini diadakan adalah untuk menyedarkan mereka tentang akhlak dan nilai yang perlu diterapkan diri serta mempunyai motivasi untuk terus belajar dengan rajin bagi mencapai keputusan yang cemerlang dalam pelajaran di samping mempunyai *soft skills* yang mantap. Hal ini kerana, ilmu dan kemahiran yang dipelajari di universiti akan menjadi bekalan dan persediaan kepada mereka untuk melangkah ke dunia sebenar seterusnya berjaya menempatkan diri dalam mana-mana sektor pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan. Pelajar yang sebegini

⁴ Rashidah.M., & Nor Azlah. S. R. (2016). Studying abroad: Malay students attitude towards the education system and personal adjustment. *Proceeding of ICECRS* 1. 479 – 492.

⁵ Keadaan kemiskinan atau perangkap kemiskinan; Merujuk kepada kemiskinan yang diwarisi dari satu generasi ke generasi seterusnya yang menghasilkan kemiskinan yang berterusan tanpa ada harapan untuk isi rumah yang miskin keluar daripada kelompok berkenaan.

akan menjadi tulang belakang keluarga untuk keluar daripada kepompong kemiskinan serta berjaya menukar status daripada penerima zakat kepada pembayar zakat.

3. Penulis mencadangkan jumlah perbelanjaan responden pertama iaitu RM 774.20 sebagai perbelanjaan minimum sebulan atau perbelanjaan *dharuriyat*. Pihak MAIDAM boleh menggunakan angka ini sebagai rujukan bagi menentukan *haddul kifayah* mahasiswa di negeri Terengganu sekiranya penilaian semula jumlah bantuan zakat pendidikan dilakukan.
4. Cadangan yang terakhir kepada pihak MAIDAM adalah untuk menukarkan jenis bantuan zakat daripada 'Bantuan Am Pelajaran IPT' kepada 'Bantuan Dermasiswa' kepada pelajar IPT yang terdiri daripada keluarga fakir dan miskin dan sumber pendapatan kewangan sebulan pelajar adalah RM 600 ke bawah atau RM 3000 satu semester bagi membolehkan mereka berupaya untuk menyara kehidupan ketika di universiti.
5. Kajian lanjut berkenaan corak perbelanjaan pelajar harus terus dilakukan supaya dapat menyumbang kepada pembuatan dasar contohnya dengan mengenalpasti keperluan-keperluan asas utama pelajar IPT berdasarkan lokasi yang berbeza yang mana dapat dijadikan asas bagi pengiraan *haddul kifayah*.

KESIMPULAN

Bantuan am pelajaran IPT yang diberikan oleh MAIDAM kepada para pelajar IPT adalah berbentuk *lump sum* iaitu sebanyak RM 1000 setahun untuk peringkat ijazah sarjana muda dan bantuan ini merupakan pendapatan tambahan terhadap sumber kewangan utama mereka yang sedia ada. Hasil kajian menunjukkan, majoriti responden bersetuju bahawa mereka bersemangat untuk belajar dengan lebih baik di samping beban kewangan telah berkurangan setelah menerima bantuan zakat pendidikan oleh MAIDAM. Selain itu, penggunaan wang zakat oleh para pelajar IPT juga didapati adalah lebih tertumpu untuk memenuhi keperluan *dharuriyyat* dan *hajiyyat* berbanding *tahsiniyyat*. Di samping itu, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan terhadap perbelanjaan pelajar IPT berdasarkan faktor demografi. Responden daripada keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM 1000 berbelanja antara RM 7.00 hingga RM 10.00 sehari atau kurang daripada RM 300 sebulan berbanding pelajar daripada keluarga yang berpendapatan melebihi RM 1000 yang mana lebih cenderung untuk berbelanja melebihi RM 300 sebulan

atau antara RM 11.00 hingga RM 15.00. Analisis juga menunjukkan bahawa responden perempuan berbelanja melebihi lelaki untuk memenuhi keperluan harian bukan makanan. Keperluan yang paling utama bagi para pelajar adalah makanan apabila mencatat perbelanjaan yang tertinggi diikuti oleh pendidikan dan perlindungan. Namun, secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden telah mengalami defisit dalam perbelanjaan.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Tabung Khas FEP (Kod: EP-2018-001) atas dana yang diberikan.

RUJUKAN

- Abdul Monir. Y. 2001. Garis Panduan Agama Dalam Pengagihan Dana Zakat. Dlm. Nik Musthapha Nik Hassan (pnyt). *Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Dalam Islam*, hlm. 1-14. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Ahmad Fahme. M. A, Mohd Faisol. I, Muhammad Ridhwan. A. A. & Fuadah Johari. 2014. Konsep dan isu had kifayah, kemiskinan bandar dan jantina dalam pengagihan zakat. *Labuan E-Journal Of Muamalat And Society* 8:14 – 26.
- Alecia Puyu. A. S. & Anuar. A. 2017. Pola perbelanjaan dalam kalangan mahasiswa: Satu kajian perbandingan antara IPTA dan IPTS. *International Conference On Global Education V: Global Education, Common Wealth, And Culture Diversity*, hlm. 2388-2405.
- Aisyah Abdul. R. & Wajeeha. Z. 2016. Faktor penentu pengurusan kewangan: Kes mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar* 19(2):85 – 94.
- Azman. A. R. & Siti Martiah. A. 2014. Dana Zakat dalam pendidikan asnaf dan sumbangannya terhadap ekonomi Malaysia. *Prosiding PERKEM Ke-9*, hlm. 208 – 215.
- Bahril. B. & Wahid. R. 2010. Kerangka Kaedah Penilaian untuk Pengiktirafan Penilaian terdahulu (PPPT) dalam Konteks Pembelajaran Sepanjang Hayat: Transformasi Pendidikan Politeknik di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi dalam Pendidikan dan latihan Teknik dan Vokasional CIE-TVT 2011*, hlm. 16-17
- Hairunnizam. W., Sanep. A. & Radiah. A. K. 2009. Pengagihan zakat oleh institusi zakat kepada lapan asnaf: Kajian di Malaysia. Kertas Kerja Dibentangkan Di Seminar Kebangsaan Ekonomi Islam 2008/2009. Anjuran Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. 10 – 11 Februari.
- Hussin. S. & Nik Amni. N. L. 2012. Kompetensi pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa: Tinjauan terhadap pelajar sarjana muda sains serta

- pendidikan (Sains Sukan), Utm, Skudai. Tesis Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ismail A. W., Zarina. S. & Siti Zahrah. B. 2008. *Budaya Keusahawanan Panduan Memulakan Perniagaan*. Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn Bhd.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. 2007. *Manual Pengurusan Agihan Zakat*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Jariah. M., Husniyah. A. R., Laily. p. & Britt. S. 2004. Financial behaviour and problems among university students: Need for financial education. *Journal of Personel Finance* 3(1)83 – 96.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. 2016. 26 Oktober. Peruntukan Bajet 2017 untuk perbelanjaan pembangunan universiti awam meningkat.
- Laman Web Rasmi Lembaga Zakat Selangor (LZS)
- Laman Web Rasmi Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)
- Mansor. S., Hassan. A., Ahmad Irfan. I. H., Noradilah. M. N. & Saharudin. R. 2013. Had kifayah di kalangan masyarakat Islam: Merungkai keperluan kaedah penentuan garis miskin dan kaya berasaskan sunah di Malaysia. Kertas Kerja Dibentangkan Dalam Seminar Antarabangsa Sunah Nabawiyah (Musnad 2): Realiti Dan Cabaran. Anjuran Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya. 3 – 4 Julai.
- Mohd Yusof. S. 2017. Kos Sara Hidup Dijangka Terus Meningkat Tahun 2017. http://www.upm.edu.my/artikel/kos_sara_hidup_dijangka_terus_meningkat_tahun_2017-30199 [6 Jun 2018]
- Muhammad Nur. H. 2017. Penentuan had kifayah pelajar institusi pengajian tinggi: Kajian pelajar prasiswazah di kampus Cheras, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kertas ilmiah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mujaini. T. 2005. *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mustaffa, W. & Fiktri, M. 2011. Kecekapan pengurusan kewangan di kalangan pelajar Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah.
- Nooh. G. 2009. Konsep asnaf fisabilillah mengikut hukum syarak. Kertas Kerja Dibentangkan Dalam Seminar Pengagihan Zakat Di Bawah Sinf Fisabilillah. Anjuran Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. 9 Jun.
- Sarah Athirah. S., Aisyah. A. R. & Hairunnizam. W. 2015. Pola perbelanjaan dan Haddul Kifayah zakat bagi pelajar sarjana muda di UKM. *Jurnal Personalia Pelajar* 18(2):44-61.
- Shofian. A. & Amir Husin. M. N. 2002. *Zakat: Membangun Ummah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Siti Alida. J. A. & Fatimah. W. I. 2007. Memenuhi keperluan pelajar di universiti awam Malaysia: Aspek pendapatan dan perbelanjaan. *Journal of Ethics, Legal and Governance* 3:50-60.
- Wan Zulkifli. W. H. 2016. *Amalan mazhab syafii dalam fatwa zakat di Terengganu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakaria. S., Noranizah. Y. & Abdul Fatah. S. 2012. Pendidikan menurut al-Quran dan sunah serta peranannya dalam memperkasakan tamadun ummah. *Jurnal Hadhari Special Edition*. 7-22.
- Zarina. K., Sanep. A. & Mohd Ali. M. N. (2012). Zakat sebagai pemangkin pembangunan ekonomi: Ke arah negara berpendapatan tinggi. *Prosiding PERKEM* 7(2):1263-273.

Che Wan Maisarah Che Wan Ismail, Hairunnizam Wahid* & Mohd Ali Mohd Noor
Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: hairun@ukm.edu.my

Diserahkan: 11 Oktober 2018
Diterima: 22 November 2018